Penyediaan Laporan EIA dan TOR adalah penting dalam meramal dan mengenal pasti isu-isu alam sekitar yang berpotensi memberi kesan negatif kepada alam sekitar apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan. Laporan EIA dan TOR ini juga akan mencadangkan langkah-langkah kawalan dan tebatan yang berkesan bagi meminimumkan impak ke atas alam sekitar akibat sesuatu aktiviti yang akan dijalankan. Penyediaan Laporan EIA dan TOR adalah seperti yang diperuntukkan mengikut seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi aktiviti-aktiviti yang tersenarai di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Kelulusan Laporan EIA dan pengesahan TOR yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bukan merupakan kelulusan pelaksanaan projek sebaliknya sebagai input kesan kepada alam sekitar kepada pihak yang meluluskan projek seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi membolehkan pertimbangan yang terbaik apabila pihak berkenaan membuat keputusan terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan yang dikemukakan.

Laporan EIA dan TOR yang disediakan juga dapat membantu pihak pemaju untuk mengambilkira keperluan-keperluan penting pemuliharaan alam sekitar dari aspek pemantauan dan kawalan pencemaran alam sekitar untuk dilaksanakan serta mengambilkira kos yang diperlukan untuk meyediakan keperluan-keperluan alam sekitar yang telah dikenalpasti di peringkat awal perancangan pelaksanaan projek.

PEMPROSESAN LAPORAN EIA

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima dan memproses 48 laporan EIA berbanding 36 Laporan EIA yang diproses pada tahun 2017. Rajah 3.1 menunjukkan perbandingan Laporan EIA yang diterima dan diproses mengikut tahun (2007-2018).



Rajah 3.1: Bilangan Laporan EIA Di Negeri Selangor Yang Diterima Dan Diproses Mengikut Tahun (Tahun 2007-2018)

Laporan EIA yang diterima adalah berkaitan dengan aktiviti perumahan (2), kuari (3), perlombongan pasir pelantar benua (4), pembangunan estet perindustrian (8), pembangunan dikawasan cerun (11), pembinaan loji pulih guna (luar tapak) (7), pembinaan bandar baharu (3), pembinaan depoh (1), pembinaan stesen janakuasa (1) pembinaan talian pemancar (1), pembinaan lebuh raya express (1), pembinaan kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas (1), industri kimia (4) dan pembinaan penstoran LNG (1) seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2 : Pecahan Bilangan Laporan EIA Yang Diproses Mengikut Aktiviti Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018

Daripada sejumlah 48 Laporan EIA yang telah diterima, sebanyak 36 Laporan EIA (75%) diluluskan, 10 Laporan EIA lagi ditolak (21%) dan 2 Laporan EIA ditarik balik (4%) oleh pihak pemaju. Status keputusan ke atas Laporan EIA yang diterima ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3 : Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Di Negeri Selangor Pada Tahun 2018

Penolakan Laporan EIA yang diterima adalah disebabkan oleh kegagalan pihak perunding menyediakan Laporan EIA mengikut kehendak Seksyen 34A(4), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut :

- Ketidaksesuaian tapak pembangunan dan persekitaran dengan cadangan pembangunan yang hendak dilaksanakan;
- Langkah tebatan dan kawalan pencemaran yang dicadangkan tidak mencukupi atau tidak merangkumi aspek-aspek kritikal yang dikenalpasti;
- Gagal menyediakan maklumat yang mencukupi berkaitan isu-isu kritikal yang dikenalpasti;
- Cadangan konsep pembangunan yang belum dimuktamadkan;
- Penyediaan garis dasar kualiti alam sekeliling yang tidak memuaskan dan tidak mengikut keperluan yang ditetapkan; dan
- Kualiti laporan EIA yang tidak memuaskan dan tidak memenuhi keperluan Garispanduan EIA.

Foto 3.1 : Pemeriksaan Lapangan Bagi Cadangan Projek Pembangunan EIA

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima dan memproses 50 Laporan TOR. Laporan TOR yang diterima adalah berkaitan dengan aktiviti perumahan (9), kuari (1), perlombongan pasir darat atau sungai (3), perlombongan pasir pelantar benua (2), pembinaan jalan (1), pembangunan estet industri (6), pembinaan loji pulih guna (luar tapak) (9), pembangunan di kawasan cerun (12), pembinaan stesen janakuasa stim (1), pembinaan depoh (3), industri kimia (1) dan pembinaan bandar baharu (2) seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.4.



Rajah 3.4 : Pecahan Bilangan Laporan TOR Yang Diproses Mengikut Aktiviti Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018

Daripada sejumlah 50 Laporan TOR yang telah diterima, sebanyak 41 Laporan TOR (82%) disahkan, 7 Laporan EIA lagi tidak disahkan (14%) dan 2 Laporan TOR ditarik balik oleh pihak pemaju (4%). Status keputusan ke atas Laporan TOR yang diterima ditunjukkan dalam Rajah 3.5.



Rajah 3.5 : Status Keputusan Laporan TOR Yang Diterima Di Negeri Selangor Pada Tahun 2018

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN POST EIA

Bagi memastikan pematuhan terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA, siasatan penguatkuasaan dan pemantauan post EIA telah dijalankan ke atas projek-projek yang telah mendapat Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA. Langkah ini penting bagi memastikan segala ramalan impak dan langkah-langkah kawalan yang telah dicadangkan di dalam Laporan EIA dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

Program penguatkuasaan dan pemantauan projek EIA bagi tahun 2018 dibuat berdasarkan keutamaan berikut:

i. Projek-projek mega seperti Projek Mass Rapid Transit Laluan 2: Sg Buloh-Serdang-Putrajaya, *East Klang Valley Expressway (Kuala Lumpur Outer Ring Road-Eastern Route),* Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) *Elevated Expressway*, Damansara-Shah Alam *Elevated Expressway* (DASH), *West Coast Expressway Selangor Alignment* (WCE) dan lain-lain;
ii. Projek-projek yang melibatkan pembukaan tanah yang luas dan terletak di kawasan sensitif alam sekitar seperti dalam kawasan tadahan air, tanah gambut dan bekas lombong;
iii. Projek-projek yang masih di peringkat kerja tanah dan pembinaan seperti pembangunan bercampur dan projek perumahan;
iv. Projek-projek yang sedang beroperasi seperti kuari khususnya yang berhampiran dengan kawasan kediaman, perlombongan pasir dan tapak pelupusan sisa pepejal; dan
v. Projek-projek EIA yang menerima banyak aduan yang menyebabkan pencemaran udara, sungai atau bunyi bising seperti aktiviti kuari, tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan operasi transit aliran ringan (LRT).

Sepanjang tahun 2018, Unit Post EIA Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan 104 siasatan ke atas 80 tapak projek EIA yang mempunyai Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA. Di sepanjang tempoh pemeriksaan penguatkuasaan EIA yang dijalankan pada tahun 2018 sebanyak lima (5) projek didapati gagal mematuhi sebahagian Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA. Walaubagaimanapun, pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa dan maklumbalas ke atas arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan mendapati kesemua projek tersebut telah mematuhi dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan ke atas kegagalan yang telah dilakukan. Peratus pematuhan bagi projek/premis penguatkuasaan EIA adalah seperti di Rajah 3.6.



Rajah 3.6 : Status Pematuhan Projek EIA di Negeri Selangor Terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA Tahun 2018

Berdasarkan rekod, terdapat peningkatan bilangan tapak projek yang disiasat berbanding tahun 2017 iaitu daripada 67 tapak projek kepada 80 tapak projek . Ini adalah kerana terdapat pertambahan projek yang mendapat kelulusan Laporan EIA dan telah memulakan operasi.

Berdasarkan rekod penguatkuasaan EIA, terdapat beberapa tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh Unit Post EIA seperti ditunjukkan di Rajah 3.7. Manakala Rajah 3.8 menunjukkan perbandingan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil dari tahun 2010 sehingga 2018.



Rajah 3.7: Tindakan Penguatkuasaan Post EIA Di Negeri Selangor Tahun 2018



Rajah 3.8: Tren Tindakan Penguatkuasaan Post EIA Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2010 Hingga 2018

PEMERIKSAAN BERSEPADU BERSAMA AGENSI-AGENSI TEKNIKAL LAIN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Foto 3.2 : Lawatan Ke Tapak Projek Pembangunan Bersama Agensi Teknikal

Selain daripada penguatkuasaan berjadual, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor turut serta dalam program pemeriksaan tapak projek-projek pembangunan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi teknikal. Agensi-agensi teknikal yang terlibat dalam pemeriksaan bersepadu ini antaranya adalah Unit Bencana Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Jabatan Kerja Raya (JKR), Kumpulan IKRAM Berhad (IKRAM) dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD).

TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

Unit Penguatkuasaan EIA diberi tanggungjawab untuk membuat pemantauan terhadap operasi tapak-tapak pelupusan sisa pepejal yang terdapat di Negeri Selangor termasuk di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 2 pemeriksaan telah dibuat ke atas tapak-tapak pelupusan sisa pepejal tersebut. Antara masalah utama pengoperasian tapak pelupusan sisa pepejal di Selangor adalah :

- Masalah keluasan tapak pelupusan sisa pepejal yang tidak mencukupi untuk menampung pertambahan kapasiti sisa pepejal menyebabkan jangka hayatnya lebih singkat;
- Tapak pelupusan tidak dapat mengendalikan pengolahan air larut resap (*leachate*) dengan sempurna; dan
- Pengurusan sisa pepejal yang tidak cekap di mana sisa pepejal yang diterima tidak dikambus dengan tanah pada hari yang sama.

Foto 3.3: Antara Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Yang Terdapat di Negeri Selangor dan di Bawah Seliaan Pihak Berkuasa Tempatan

PROJEK KUARI

Sepanjang tahun 2018, pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap operasi kuari yang terdapat di Negeri Selangor telah dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri supaya menyediakan sistem kawalan pencemaran yang berkesan antaranya dengan memastikan sistem *conveyer* tertutup, habuk *stockpile* dikawal menggunakan semburan air dan lain-lain dipatuhi. Sepanjang tahun 2018, pemeriksaan ke atas kuari-kuari yang beroperasi di Negeri Selangor, mendapati semuanya telah dilengkapi dengan alat kawalan pencemaran udara (habuk/debu). Berdasarkan pemerhatian dan rekod, Jabatan masih menerima aduan terhadap pengoperasian kuari daripada masyarakat setempat seperti :

- Habuk dan debu yang mengganggu persekitaran terutamanya pada musim panas; dan
- Bunyi bising dan gegaran dari aktiviti kuari khususnya aktiviti letupan;

Foto 3.4 : Aktiviti Pengkuarian Di Negeri Selangor Pada Tahun 2018

ULASAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

Bagi memastikan keperluan alam sekitar diambilkira dan dititikberatkan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS Selangor) juga turut berperanan memberi input berhubung pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran terhadap cadangan projek-projek pembangunan. Input alam sekitar ini adalah penting bagi melihat kesesuaian pembangunan yang dikemukakan dengan pembangunan sedia ada di sekitar tapak projek bagi memastikan kelestarian dan seterusnya mengatasi masalah yang menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk serta alam sekitar apabila cadangan projek berkenaan dilaksanakan. Kebiasaannya, permohonan cadangan projek tersebut dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Jenis-jenis permohonan adalah seperti Kebenaran Merancang, Tukar Syarat Tanah dan Pemberimilikan Tanah, Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran, penilaian awal tapak untuk industri, dan lain-lain. Pada tahun 2018, sebanyak 2,216 permohonan cadangan projek pembangunan telah dirujuk ke JAS Negeri Selangor untuk ulasan (Rajah 3.9).



Rajah 3.9 : Jumlah Permohonan Projek Pembangunan Yang Diterima Di Negeri Selangor Mengikut Tahun 2014 – 2018

Sebanyak 1,550 (70%) permohonan diluluskan berbanding 666 (30%) permohonan yang ditolak kerana tidak lengkap atau tidak memenuhi garispanduan yang ditetapkan (Rajah 3.10).



Rajah 3.10 : Status Permohonan Projek Pembangunan Yang Diterima Tahun 2018

Daerah Klang menunjukkan jumlah permohonan yang paling tinggi iaitu sebanyak 639 permohonan (Rajah 3.11) berbanding dengan daerah-daerah yang lain.



Rajah 3.11 : Jumlah Permohonan Projek Pembangunan Yang Diterima Pada Tahun 2018 Mengikut Daerah

Dari segi jenis permohonan pula, permohonan Kebenaran Merancang adalah yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 872 permohonan (Rajah 3.12).



Rajah 3.12 : Jenis-Jenis Permohonan Projek Pembangunan Yang Diterima Di Negeri Selangor Pada Tahun 2018

JAS Selangor juga telah mengguna pakai Garispanduan "Environmental Essentials For Siting Of Industries In Malaysia (EESIM)" 2017 bagi menggantikan "Guidelines For The Siting and Zoning of Industries" (2012) mulai 22 Februari 2018. Garispanduan ini telah diterbitkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar pada Oktober 2017. Garispanduan ini mengambil kira impak-impak alam sekitar yang perlu dikaji berdasarkan kepada jenis aktiviti pembangunan industri yang dicadangkan melalui keperluan teknologi, alat kawalan pencemaran dan pengurusan buangan terjadual yang berkesan dalam memastikan kesesuaian tapak cadangan pembangunan. Panduan baru ini akan dapat membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan PLAN Malaysia dalam merancang dan menentukan kawasan pembangunan industri dan penempatan industri yang dicadangkan.

KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH SEKSYEN 19, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah perlu diperolehi terlebih dahulu untuk menjadikan kenderaan, kapal atau premis sebagai Pembawa atau Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebelum ia boleh dilesenkan di bawah Seksyen 18 AKAS, 1974. Ini adalah bertujuan untuk mengawal operasi PYDT yang menjalankan aktiviti pemerolehan kembali , pengangkutan dan pengurusan semua Buangan Terjadual yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Sepanjang tahun 2018, Jabatan Alam sekitar Negeri Selangor telah menerima dan memproses sebanyak empat puluh satu (41) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974. Tiga puluh tujuh peratus (37%) daripada permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 pada tahun 2018 adalah untuk membuat pindaan syarat. Iaitu pindaan syarat kapasiti pemerolehan kembali Buangan Terjadual, Pindaan syarat Kod Buangan terjadual dan penambahbaikan kepada syarat-syarat sedia ada. Bilangan permohonan diterima mengikut jenis permohonan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.13.



Rajah 3.13 :Bilangan Permohonan Kebenaran Bertulis Di Bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Mengikut Jenis Permohonan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018.

PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (EFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009

Sepanjang tahun 2018, sebanyak lima (5) Pemberitahuan Bertulis telah diterima dan telah diambil maklum oleh Jabatan bagi pemasangan dan penambahbaikan yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf “Industrial Effluent Treatmest System” (IETS) sedia ada bagi memastikan pematuhan sepenuhnya pelepasan efluen perindustrian dari premis. Kualiti efluen yang dilepaskan di takat pelepasan akhir boleh mematuhi standad yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014.

Jabatan telah menerima sebanyak sembilan belas (19) permohonan Pemberitahuan Bertulis di bawah PKAS (Udara Bersih) 2014 pada tahun 2018. Sebanyak lapan (8) Pemberitahuan Bertulis adalah untuk Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) dan sebelas (11) Alat Pembakaran Bahanapi (APB).

Kesemua permohonan adalah untuk penambahbaikan sistem kawalan pencemaran udara dalam memastikan pelepasan udara daripada pertambahan kapasiti pemerolehan kembali masih mematuhi standad pelepasan yang ditetapkan. Pertambahan Pemberitahuan Bertulis yang diterima adalah selari dengan pertambahan bilangan permohonan pindaan syarat Kebenaran Bertulis dan pindaan syarat lesen. Pertambahan pemasangan dan penambahbaikan Sistem Kawalan Pencemaran Udara adalah untuk menampung tambahan kapasiti pengeluaran sediaada bagi Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual. Bilangan permohonan diterima mengikut jenis permohonan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.14.



Rajah 3.14 : Bilangan Permohonan Pemberitahuan Bertulis Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 Mengikut Jenis Permohonan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018

BAB 4

KAWALAN PENCEMARAN DAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

BAB 4 KAWALAN PENCEMARAN DAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

PELAKSANAAN PROGRAM PENGUATKUASAAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

Program penguatkuasaan bagi tahun 2018 telah dirangka dengan tumpuan ke atas perkara-perkara berikut:-

a) Penguatkuasaan ke atas sektor perindustrian melalui pendekatan penguatkuasaan '*Guided Self Regulation*' (GSR) ke atas semua premis meliputi industri pembuatan yang menghasilkan efluen termasuk kilang memproses kelapa sawit mentah;

b) Penyelesaian kes-kes aduan pencemaran yang berulang yang melibatkan kepentingan awam;

c) Penyelesaian kes-kes operasi kilang secara haram dan operasi industri yang mencemarkan alam sekitar;

d) Melaksanakan "Pollution Sources Survey" bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran melalui pemetaan GIS/data geospatial;

e) Membenteras pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual terutama buangan elektronik melalui Pelabuhan Klang dengan kerjasama Jabatan Kastam Selangor dan Lembaga Pelabuhan Klang; dan

f) Penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka terutama semasa cuaca panas dan kering melalui pelbagai kaedah dengan kerjasama agensi-agensi terutamanya yang di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan agensi-agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

KAWALAN PENCEMARAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

PEMATUHAN TERHADAP AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Sepanjang tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan masing-masing sebanyak 1,284 penguatkuasaan yang meliputi 1,215 premis industri dan 16 penguatkuasaan ke atas 16 loji kumbahan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berdasarkan inventori terkini sehingga berakhirnya tahun 2018, terdapat sebanyak 9,826 premis industri dan 1,885 loji kumbahan di Selangor. Rajah 4.1 menunjukkan pecahan mengikut kategori industri, manakala Rajah 4.2 adalah pecahan mengikut kategori loji kumbahan.



Rajah 4.1 : Bilangan Premis Industri di Negeri Selangor Mengikut Jenis Industri



Rajah 4.2 : Bilangan Loji Kumbahan di Negeri Selangor Mengikut Kategori

Pemilihan premis yang dijadualkan untuk pemeriksaan adalah bergantung kepada prestasi sesebuah premis dalam mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan juga kekerapan aduan ke atas pencemaran oleh premis yang menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam dan kualiti alam sekitar.

Dalam usaha meningkatkan pematuhan ke atas AKAS 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya, penguatkuaasan secara pematuhan kendiri atau *Guided Self Regulation* telah mula diperkenalkan semenjak tahun 2016.

PEMATUHAN KENDIRI (GUIDED SELF REGULATION)

Dalam memenuhi dan mencapai pematuhan kendiri, JAS telah memperkenalkan 7 elemen utama yang dikenali sebagai "Environmental Mainstreaming Tools (EMT)" kepada pihak industri (*regulated community*) seperti mana yang berikut :

(i) Polisi alam sekitar;
(ii) Belanjawan alam sekitar;
(iii) Jawatankuasa Pemantauan Alam Sekitar
(iv) Kemudahan Alam Sekitar seperti makmal, peralatan pengukuran kualiti efluen dan sebagainya;
(v) Orang yang berwibawa dalam mengawalselia dan melaksanakan pematuhan keatas kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling;
(vi) Pelaporan dan komunikasi ; dan
(vii) Ketelusan dalam pematuhan dan prestasi alam sekitar

Sehingga berakhir tahun 2018, keseluruhan premis dalam inventori JAS Selangor iaitu sebanyak 9,826 premis telah memberi maklumbalas kesediaan EMT di premis masing-masing dan 1,339 premis telah pun berjaya memenuhi semua elemen EMT dan melaksanakan GSR dengan sebaik mungkin.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Sepanjang tahun 2018, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas Premis Yang Bukan DiTetapkan (PYBDT) adalah seperti Rajah 4.3:-

(i) Mengeluarkan 1,104 *Field Citation* yang merupakan tindakan di lapangan yang perlu diambil tindakan segera;
(ii) Mengeluarkan 353 Notis Arahan;
(iii) Mengeluarkan 296 kompaun pelbagai Peraturan;
(iv) Menyediakan 62 Kertas Siasatan bagi tujuan tindakan pendakwaan di mahkamah;
(v) Menjalankan 106 kes penyitaan peralatan atau kelengkapan bagi mengatasi kes-kes pencemaran yang bermasalah;
(vi) Melaksanakan 2 kes Perintah Larangan.



Rajah 4.3: Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil Ke Atas Premis PYBDT Di Negeri Selangor Tahun 2018

PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS PLASTIK

Pada tahun 2018 juga, JAS Selangor telah menjalankan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Imigresen ke atas premis-premis memproses plastik di Negeri Selangor terutama yang melibatkan kawasan dalam Daerah Klang dan Daerah Kuala Langat. Berdasarkan rekod, sebanyak 110 premis plastik di Selangor dan daripada jumlah tersebut, 60 premis beroperasi secara haram. JAS Selangor telah mengambil tindakan penguatkuasaan iaitu 63 penahanan operasi dan 39 penyediaan kertas siasatan ke atas premis plastik yang gagal mematuhi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Foto 4.1: Aktiviti Penguatkuasaan Ke Atas Premis Plastik

Foto 4.2: Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Bersama Agensi Lain

Foto 4.3: Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan Premis

Foto 4.4: Notis Penahanan Operasi Kelengkapan Premis

KAWALAN PENCEMARAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

KILANG KELAPA SAWIT MENTAH

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 17 buah Kilang Kelapa Sawit (KKS) yang telah dilesenkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan operasinya dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977. Daripada 17 buah premis tersebut, sebanyak 10 buah premis melepaskan efluen ke dalam alur air dan 7 buah premis melepaskan efluen ke atas tanah.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 15 penguatkuasaan dijalankan ke atas 15 premis kilang kelapa sawit dan sebanyak 15 Notis Arahan telah dikeluarkan. Berdasarkan penguatkuasaan terakhir yang dilakukan terhadap kilang kelapa sawit pada tahun 2018, pematuhan keseluruhan kilang kelapa sawit terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling berkaitan pelepasan udara dan pengurusan buangan terjadual adalah 94.12% manakala sebanyak 1 premis kilang kelapa sawit tidak mematuhi pelepasan effulen. Rajah 4.4 menunjukkan statistik tindakan penguatkuasaan terhadap kilang kelapa sawit di Negeri Selangor pada tahun 2018.

Sebanyak 17 pemeriksaan secara desktop telah dillaksanakan ke atas 17 premis Kilang Kelapa Sawit. Kesemua 17 premis telah mengemukakan maklumbalas dan maklumat terhadap pelaksanaan *Guided Self-Regulation* (GSR). Sebanyak 16 (94.12%) premis Kilang Kelapa Sawit yang telah lengkap melaksanakan kesemua 7 elemen *Environmental Mainstreaming Tool*s (EMT).



Rajah 4.4 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018

Foto 4.5 : Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor, Tahun 2018

KILANG GETAH ASLI MENTAH

Hanya sebuah premis kilang getah asli mentah dilesenkan pada tahun 2018 di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dan operasinya dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978. Premis kilang getah asli mentah yang dilesenkan melepaskan efluen terolah ke alur air.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 1 penguatkuasaan ke atas kilang getah dijalankan dengan pematuhan keseluruhan kilang getah terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling berkaitan kawalan perlepasan efluen, pelepasan udara dan pengurusan buangan terjadual adalah 100%.

Foto 4.6 : Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Getah Asli Mentah Di Negeri Selangor, Tahun 2018

KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 167 lesen telah dikeluarkan kepada 87 premis oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang terdiri daripada lesen Kemudahan Penstoran Buangan Terjadual Luar Tapak, Pembawa Yang Ditetapkan, Penunu Buangan Terjadual, Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual, Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual Penuh (E-Waste) dan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual Separa (E-Waste). Rajah 4.13 menunjukkan bilangan lesen kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor pada tahun 2018.

Bagi tindakan penguatkuasaan pula, sebanyak 87 penguatkuasaan dijalankan ke atas premis yang dilesenkan di mana sebanyak 20 Notis Arahan dan 9 kompaun telah dikeluarkan terhadap premis buangan terjadual ini sepanjang tahun 2018. Rajah 4.14 menunjukkan statistik tindakan penguatkuasaan terhadap premis buangan terjadual di Negeri Selangor pada tahun 2018. Ketidakpatuhan yang sering berlaku adalah penstoran buangan terjadual yang tidak sempurna, sistem pengolahan efluen perindustrian yang tidak diselenggara dan gagal mengendalikan alat kawalan pencemaran udara dengan baik. Berdasarkan pemeriksaan terakhir pada tahun 2018, pematuhan keseluruhan bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Premis Buangan Terjadual terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling berkaitan kawalan pelepasan efluen, pelepasan udara dan pengurusan buangan terjadual adalah 97.7%.

Sebanyak 87 pemeriksaan secara desktop telah dillaksanakan ke atas 87 premis Buangan Terjadual. Daripada jumlah 87 tersebut sebanyak 86 premis yang telah mengemukakan maklumbalas dan maklumat terhadap pelaksanaan *Guided Self-Regulation* (GSR). Sebanyak 71 (81.6%)premis Buangan Terjadual yang telah lengkap melaksanakan kesemua 7 elemen *Environmental Mainstreaming Too*ls (EMT).



Rajah 4.5 : Bilangan Lesen Kemudahan Pelupusan Dan Pengolahan Buangan Terjadual Di Negeri Selangor Pada Tahun 2018



Rajah 4.6 : Statistik Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2018

Foto 4.7 : Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Premis Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual Tahun 2018

PENGHASILAN BUANGAN TERJADUAL

Bagi tahun 2018, sebanyak 302,998.24 metrik tan buangan terjadual dihasilkan daripada 4,434 premis di Negeri Selangor. Punca-punca pengeluar utama buangan terjadual adalah daripada loji rawatan air iaitu sebanyak 109,143.38 metrik tan, loji janakuasa sebanyak 69,015.00 metrik tan, bengkel/*workshop* sebanyak 37,062.93 metrik tan, dan industri elektrik dan elektronik sebanyak 15,835.93 metrik tan. Penghasilan utama buangan terjadual mengikut kod buangan adalah SW 204 sebanyak 109,143.38 metrik tan, SW 104 sebanyak 73,398.63 metrik tan, SW 305 sebanyak 35,530.68 metrik tan dan SW 409 sebanyak 12,606.74 metrik tan.

Daripada jumlah buangan terjadual yang dihasilkan, sebanyak 186,619.30 metrik tan buangan terjadual yang terhasil daripada pengeluar-pengeluar buangan terjadual telah diuruskan secara Pengurusan Khas Buangan Terjadual. Rajah 4.7 dan 4.8 menunjukkan kuantiti buangan terjadual yang diuruskan mengikut jenis pelupusan dan kuantiti buangan terjadual yang dihasilkan mengikut jenis industri di Negeri Selangor bagi tahun 2018.

PENGGUNAAN SISTEM APLIKASI *ELECTRONIC SCHEDULED WASTE INFORMATION SYSTEM* (eSWIS)

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggunapakai sistem aplikasi *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS) dalam pengurusan buangan terjadual di negara ini. Sistem aplikasi ini memerlukan maklumat Notifikasi, Inventori Jadual Kelima dan Nota Konsainan bagi pergerakan buangan terjadual dilaporkan secara atas talian *(online)* kepada Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan pemantauan yang lebih cepat dan sistematik.

Pada tahun 2018, sebanyak 3,319 premis daripada 4,434 premis pengeluar buangan telah menggunakan aplikasi *eSWIS* dalam pengurusan buangan terjadual. Usaha bagi memastikan sistem eSWIS ini digunapakai masih diteruskan melalui latihan *hands-on* kepada pihak industri. Sehubungan dengan itu, sesi latihan *hands-on eSWIS* telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2018 di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor bagi membantu pihak industri untuk menggunapakai sistem ini dalam pengurusan buangan terjadual.



Rajah 4.7 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Diuruskan Mengikut Jenis Pelupusan, Tahun 2018



Rajah 4.8 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Mengikut Jenis Industri Di Negeri Selangor, Tahun 2018

PENGUATKUASAAN MELALUI GUIDED SELF REGULATION (GSR) BAGI PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Di Jabatan Alam Sekitar (JAS) pemahaman mengenai *Self Regulation* atau Peraturan Kendiri adalah bermaksud punca-punca pencemaran terutamanya sektor industri akan bertanggungjawab sepenuhnya mengawal pencemaran yang dihasilkan dan memantau pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 . JAS melaksanakan versi *self regulation* yang dinamakan Guided Self Regulatin (GSR). GSR bermaksud komuniti yang dikawal (*regulated communities*) dibimbing ke arah mencapai pematuhan undang-undang sepenuhnya. Bukan setakat pematuhan undang-undang, GSR juga boleh mendorong *regulated communities* mengambil inisiatif yang lebih dalam pengurusan alam sekitar di sektor masing-masing.

Salah satu alat ampuh untuk mencapai *self-regulation status* adalah pengarusperdanaan alam sekitar (environmental mainstreaming-EM). EM bermaksud kepentingan alam sekitar diserap, diterap dan diintegrasikan dalam semua peringkat pengurusan dan implementasi sesuatu projek, program atau aktiviti perkilangan. *Environmental mainstreaming* adalah alat strategik untuk menuju ke arah dan mencapai keadaan komuniti yang mengawal sendiri tindak-tanduk mereka (*self-regulation*).

Selari dengan Hala Tuju dan Pelan Strategik JAS yang baru, pelaksanaan Penguatkuasaan melalui GSR telah dilaksanakan sejak Julai 2016 dan JAS Negeri Selangor telah memantau pembudayaan GSR pada pengurusan premis dengan memastikan pihak pengurusan premis melaksanakan, melengkapkan dan melaporkan status pelaksanaan EMT melalui Laporan Pematuhan EMT. Rajah 4.9 menunjukkan status pelaksanaan penguatkuasaan ke atas premis PYDT melalui GSR di Negeri Selangor sehingga tahun 2018.



Rajah 4.9 : Bilangan Premis Yang Telah Melengkapkan Laporan Pematuhan EMT Sehingga Tahun 2018



Rajah 4.10 : Jumlah Premis Yang Telah Melaksanaan 7/7 EMT Sehingga Tahun 2018

KAWALAN TERHADAP PEMBAKARAN TERBUKA

Pada tahun 2018, sebanyak 1,010 rondaan telah dijalankan berbanding 1,227 rondaan pada tahun 2017. Penurunan kadar rondaan ini adalah disebabkan pada tahun ini tidak mencatatkan sebarang cuaca panas dan kering yang melampau. Sepanjang tahun ini juga tiada kejadian jerebu yang memberi kesan buruk kepada kualiti udara di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sejumlah 1,517 aduan pembakaran terbuka dikesan dan telah disiasat sepanjang tahun 2018 dan melibatkan 5 kes *hotspot.*

Daripada jumlah 1,517 aduan pembakaran terbuka tersebut, aktiviti pembakaran sampah sarap merupakan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 1,310 aduan. Aduan-aduan ini merupakan pembakaran kecil sampah sarap termasuk daun-daun kering dan ranting-ranting kayu di kawasan perumahan dan komersial. Sebanyak 59 aduan pembakaran terbuka pula dikesan berpunca daripada tapak pelupusan sampah haram dan 14 aduan pembakaran terbuka dilakukan di tapak pembinaan. Pembakaran terbuka daripada aktiviti pertanian yang melibatkan kerja-kerja peladangan kelapa sawit, getah, nenas serta sawah padi pula sebanyak 8 aduan manakala 4 aduan kebakaran hutan dan 5 aduan kebakaran belukar, serta 1 aduan diterima melibatkan pembakaran terbuka di Projek EIA, manakala 116 aduan pembakaran melibatkan lain-lain punca seperti rizab sungai, dan kawasan premis (Rajah 4.11). Aduan-aduan yang direkodkan ini juga turut melibatkan aduan yang diterima bagi sesuatu kes pembakaran terbuka pada tempoh masa yang sama ke atas lokasi yang sama.



Rajah 4.11 : Jumlah Aduan Pembakaran Terbuka Berdasarkan Jenis Punca

Foto 4.8: Pembakaran Terbuka di Tapak Pelupusan Sampah Haram

Foto 4.9: Pembakaran Terbuka Melibatkan Kawasan Pertanian

PENGURUSAN KEBAKARAN DI KAWASAN TANAH GAMBUT SERING TERBAKAR

Kawasan tanah gambut di Johan Setia, Klang, di Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor dan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara serta Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, Selangor merupakan kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan *fire prone areas* di Negeri Selangor yang sering berlaku pembakaran terbuka semasa musim panas dan kering pada setiap tahun. Namun demikian tindakan pemadaman kebakaran berjaya dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Pelepasan asap yang berterusan dari kawasan yang terbakar menjadi masalah utama kerana struktur tanah gambut dengan paras air tanah yang sangat rendah membuatkan pembaraan bawah permukaan tanah terus terjadi. Asap yang terhasil ini menyebabkan kemerosotan kualiti udara dan boleh mengakibatkan jerebu .

Foto 4.10: Kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Utara

Sehubungan itu, bagi menangani masalah pembakaran di kawasan tanah gambut yang mudah terbakar terutamanya pada musim kering, satu pelan tindakan bersepadu di antara agensi-agensi yang berkaitan telah pun dibentuk. Agensi-agensi yang terlibat terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang bekerjasama mengikut bidang masing-masing dengan mewujudkan konsep pengurusan air bagi tujuan mengekalkan kelembapan dan meninggikan paras air bawah tanah di kawasan tanah gambut.

Foto 4.11: Dokumen Prosedur Tetap Operasi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu

Konsep pengurusan air secara mampan ini dicapai dengan menyediakan sumber air melalui pembinaan telaga air tanah atau *tube* well dan sekatan saliran air dengan pembinaan *check dam* serta melalui kolam takungan dan saliran paip. Sehingga Disember 2018, sejumlah 23 unit *check dam,* 13 unit *tube well,* 7 unit kolam takungan dan 3 km saliran paip telah dibina dan beroperasi di keseluruhan kawasan *fire prone* ini. Pada tahun 2018, sebanyak 2 unit *tube well* telah dibina di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, dan 2 unit kolam takungan dibina di Hutan Simpan Raja Musa. Infrastruktur yang dibina ini bukan sahaja sebagai kaedah melembapkan tanah gambut malahan dapat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat mendapatkan sumber air bagi tujuan pemadaman.

Foto 4.12: *Check Dam* Yang Dibina di Kawasan F*ire Prone* di Negeri Selangor

Foto 4.13: Kolam Takungan Yang Dibina di Kawasan F*ire Prone* di Negeri Selangor

Foto 4.14: *Tube well* Yang Dibina di Kawasan F*ire Prone* di Negeri Selangor

Selain itu, menara tinjau turut dibina bagi memantau kebakaran di kawasan tanah gambut dengan tujuan mengenalpasti dan mengawal kebakaran dari terus merebak. Sehingga kini, terdapat 2 menara tinjau yang telah dibina oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan di Hutan Simpan Raja Musa (Foto 4.15). Pemantauan di menara tinjau ini dilaksanakan dari bulan Mac hingga Oktober 2018 iaitu ketika cuaca panas dan kering.

Foto 4.15: Menara Tinjau di Hutan Simpan Raja Musa dan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara

Bagi meningkatkan kesedaran dan amaran kepada orang awam supaya tidak melakukan pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, sebanyak 50 buah papan tanda larangan pembakaran terbuka juga telah dipasang di sekitar kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan *fire prone areas* di Negeri Selangor dan tambahan 10 buah papan tanda baru yang telah dibina di sekitar kawasan Johan Setia, Klang pada tahun 2018 (Foto 4.16).

Foto 4.16: Papan tanda Larangan Pembakaran Terbuka di Johan Setia, Klang

Selain daripada pembinaan infrastruktur bagi kawalan dan pencegahan kebakaran di tanah gambut, JAS Selangor juga mengambil inisiatif dengan menganjurkan program kesedaran kepada masyarakat dan komuniti setempat yang menetap di sekitar kawasan *fire prone* ini supaya lebih peka terhadap isu pembakaran terbuka yang bukan sahaja boleh menjejaskan alam sekitar malah turut memberi risiko kepada kualiti udara dan kesihatan awam. Pada tahun 2018, JAS Selangor telah menganjurkan 3 Program Kesedaran dan Uji Cuba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Peringkat Negeri Selangor seperti berikut:

(i). Tarikh: 21 Mac 2018
Tempat: Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Cheding, Banting, Kuala Langat
Kawasan *Fire Prone*: Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan

(ii). Tarikh: 26 Julai 2018
Tempat: Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya
Kawasan *Fire Prone*: Hutan Simpan Raja Musa, Bestari Jaya

(iii). Tarikh: 19 November 2018
Tempat:Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Cheding, Banting, Kuala Langat
Kawasan *Fire Prone*: Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan

Foto 4.17: Program di Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Cheding pada 21 Mac 2018

Foto 4.18: Program di Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya pada 26 Julai 2018

Foto 4.19: Program di Sekolah Kebangsaan (Asli) Bukit Cheding pada 19 November 2018

ADUAN PENCEMARAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima sebanyak 2,569 aduan berhubung pencemaran sepanjang tahun 2018. Aduan pencemaran udara mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 2,237 kes (87.0%), diikuti aduan pencemaran air sebanyak 169 kes (7.0%), 54 kes (2.0%) berkaitan bunyi bising, 33 kes (1.0%) berkaitan buangan terjadual dan lain-lain jenis aduan sebanyak 73 kes (3.0%) (Rajah 4.12). Daripada keseluruhan jumlah aduan pencemaran yang diterima, sebanyak 173 aduan (6.7%) melibatkan tindakan oleh agensi penguatkuasaan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Veterinar.



Rajah 4.12 : Jenis Aduan Pencemaran Yang Diterima Sepanjang Tahun 2018

Daripada 2,237 aduan pencemaran udara yang diterima, aduan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan aduan yang paling tinggi iaitu 1,517 kes (68.0%). Aduan pencemaran bau yang berpunca daripada industri seperti kilang berasaskan getah, kimia, loji kumbahan dan bau busuk sampah sarap domestik juga mencatatkan bilangan aduan yang tinggi iaitu sebanyak 479 kes (21.0%) diikuti aduan pelepasan habuk dan debu dari industri terutamanya dari kilang- kilang kayu sebanyak 109 kes (5.0%) dan aduan pelepasan asap hitam dan putih berlebihan daripada cerobong sebanyak 90 kes (4.0%). Selain itu, terdapat juga aduan berkenaan dengan pelepasan asap hitam berlebihan daripada kenderaan iaitu sebanyak 42 kes (2.0%) (Rajah 4.13).



Rajah 4.13 : Jenis Aduan Pencemaran Udara Yang Diterima Sepanjang Tahun 2018

Berdasarkan penerimaan aduan pencemaran oleh JAS Selangor mengikut daerah, Daerah Petaling mencatatkan penerimaan bilangan aduan yang paling tinggi iaitu sebanyak 723 kes (28.0%), diikuti oleh Daerah Klang sebanyak 571 kes (22.0%), Daerah Hulu Langat sebanyak 424 kes (16.0%), Daerah Gombak sebanyak 359 kes (14.0%), Daerah Kuala Langat sebanyak 275 kes (11.0%), Daerah Sepang sebanyak 100 kes (4.0%), Daerah Kuala Selangor sebanyak 78 kes (3.0%), Daerah Hulu Selangor sebanyak 21 kes (1.0%) dan Daerah Sabak Bernam mencatatkan penerimaan aduan yang paling sedikit iaitu sebanyak 18 kes (1.0%). (Rajah 4.14).



Rajah 4.14 : Pecahan Aduan Yang Diterima Mengikut Daerah Bagi Tahun 2018

Penyiasatan ke atas aduan pencemaran ini bukan sahaja melibatkan siasatan ke atas premis-premis industri di Selangor malahan turut melibatkan penyiasatan ke atas pelupusan haram buangan terjadual serta buangan bahan industri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di tapak yang tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sehingga menyebabkan pencemaran di kawasan sekitar.

Pada tahun 2018, JAS Selangor telah menjalankan satu siasatan berkaitan pelupusan haram buangan terjadual di Kota Kemuning, Shah Alam (Foto 4.20) dan satu siasatan melibatkan pelupusan haram buangan industri (bukan buangan terjadual) oleh pihak kilang di Kampung Lombong, Shah Alam (Foto 4.21). Kes-kes ini disiasat berdasarkan aduan yang dilaporkan oleh orang awam dan berdasarkan hasil rondaan oleh JAS Selangor yang dilakukan secara harian. Kes-kes ini diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Foto 4.20: Kes Pelupusan Haram Buangan Terjadual di Kota Kemuning, Shah Alam

Foto 4.21: Kes Pelupusan Haram Buangan Industri (Bukan Buangan Terjadual) di Kampung Lombong, Shah Alam

Tahun 2018 juga mencatatkan detik tumpuan negara terhadap isu pembakaran terbuka di Johan Setia, Klang. Pada tanggal 13 Ogos 2018, pembakaran terbuka yang berlaku di atas kawasan pertanian dan belukar di Johan Setia, Klang yang melibatkan keluasan keseluruhan sebanyak 40 ekar telah diisytiharkan sebagai bencana oleh Kerajaan Negeri Selangor. Agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri telah bekerjasama dalam usaha pemadaman api yang mengambil tempoh hampir seminggu untuk dipadamkan sepenuhnya. Penguatkuasaan secara bersepadu antara JAS Selangor, Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Pejabat Daerah/Tanah Klang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti dan mengambil tindakan ke atas pihak yang bertanggungjawab terhadap kebakaran tersebut.

Foto 4.22: Kebakaran di Kawasan Belukar dan Pertanian di Johan Setia, Klang

Isu ini mendapat perhatian utama daripada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin, yang turut meninjau ke lokasi kejadian dan menggerakkan usaha bersama agensi berkaitan dalam memastikan aspek pemadaman dapat dilaksanakan dengan berkesan serta kawalan pencegahan yang berterusan. Selain Menteri MESTECC, isu pembakaran terbuka ini juga turut mendapat perhatian daripada Ahli Parlimen Kota Raja merangkap Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, ADUN Sungai Kandis, Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, serta Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahaya yang turut meninjau ke lokasi kejadian.

Menteri MESTECC juga turut mengambil inisiatif bagi mendengar secara terus keresahan penduduk terhadap masalah pembakaran terbuka di Johan Setia ini dengan mengadakan sesi *townhall* pada 1 September 2019 bertempat di Kelab Botanic, Bandar Botanik, Klang serta mengadakan Mesyuarat *Post Mortem* Kejadian Pembakaran Terbuka Di Johan Setia bersama agensi Negeri pada tarikh dan tempat yang sama bagi mencari penyelesaian berhubung isu tersebut.

Foto 4.23: Lawatan oleh Menteri MESTECC ke lokasi kebakaran di Johan Setia,Klang

Foto 4.24: Lawatan oleh Menteri Pertahanan dan KSU MESTECC ke Lokasi Kebakaran di Johan Setia, Klang

Foto 4.25: Sesi *Town Hall* Bersama Penduduk Sekitar Johan Setia Bertempat di Kelab Botanik, Bandar Botanik, Klang

Berdasarkan rekod sepanjang tahun 2018, JAS Selangor telah menerima sebanyak 51 aduan pembakaran terbuka di Johan Setia, Klang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 kes telah dikenalpasti untuk siasatan manakala selebihnya merupakan aduan terhadap isu yang sama. Sebanyak 16 tindakan penguatkuasaan berupa Notis Arahan dan kompaun telah diambil ke atas pelaku atau pemilik tanah yang terlibat manakala baki 11 kes tiada tindakan lanjut oleh JAS Selangor memandangkan ia melibatkan tanah kerajaan. Isu-isu kebakaran yang melibatkan tanah kerajaan diambil tindakan oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang. JAS juga telah menempatkan stesen kualiti udara bergerak di Sekolah Kebangsaan Kampung Johan Setia bagi memantau status kualiti udara secara harian di sekitar kawasan Johan Setia, Klang (Foto 4.27).

Foto 4.26: Siasatan oleh pegawai JAS Selangor ke lokasi kebakaran di Johan Setia, Klang

Foto 4.27: Stesen Pengawasan Kualiti Udara Bergerak di Sekolah Kebangsaan Kampung Johan Setia

KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

Isu-isu utama pencemaran udara terutamanya di pusat-pusat bandar adalah pelepasan asap dan gas daripada kenderaan bermotor. Oleh yang demikian, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 digubal dan dikuatkuasakan bagi mengawal serta mengurangkan tahap pelepasan asap hitam dan gas-gas karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NO_x), partikulat, bunyi bising dan gas-gas yang berpotensi menipiskan lapisan ozon serta meningkatkan paras suhu dunia dari kenderaan berenjin diesel dan petrol.

KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERENJIN DIESEL

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi mengawal pelepasan dari kenderaan berenjin diesel mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996:-.

(i). Operasi Kamera Video (meliputi rakaman menggunakan kamera atau kamera video, operasi catat dan program “Area Watch And Sanction Inpection (AWASI)”;
(ii). Operasi Statik dengan pelbagai agensi penguatkuasa;
(iii). Pemeriksaan terhadap Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator);
(iv). Pemeriksaan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL); dan
(v). Penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 terhadap Terminal Bas.

OPERASI KAMERA VIDEO DAN OPERASI STATIK DENGAN PELBAGAI AGENSI PENGUATKUASA

Pada tahun 2018, sebanyak 345 Operasi Kamera Video dan 32 Operasi Statik dengan pelbagai agensi penguatkuasa berkaitan telah dilaksanakan di lokasi-lokasi yang strategik di Negeri Selangor. Melalui Operasi Kamera Video, sebanyak 64,632 buah kenderaan berenjin diesel telah dipantau pelepasan asap hitam dan sebanyak 247 buah kenderaan telah dikeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk hadir ujian pelepasan asap. Pencapaian keseluruhan program kawalan pelepasan dari kenderaan berenjin diesel melalui Operasi Statik dan Operasi Kamera Video bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti di Rajah 4.15.

Bagi Operasi Statik pula, daripada 2,637 kenderaan yang ditahan dan dipantau secara visual, 160 kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap. Daripada bilangan yang diuji, 52 kenderaan telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menghadiri ujian semula pelepasan asap. Sebanyak 22 kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dikeluarkan.



	Tahan/Visual	Notis 48A	Uji	Kompaun
2018	64,632	247	160	22
2017	69,056	382	153	31
2016	72,927	275	422	25
2015	86,538	444	492	66
2014	81,955	682	783	131

Rajah 4.15 : Status Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Berenjin Diesel Bagi Tahun 2014-2018

Rajah 4.16 menunjukkan kadar perbandingan jumlah kenderaan yang diberikan Notis Arahan Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dengan bilangan kenderaan yang hadir ujian semula pelepasan asap hitam bagi tahun 2014 sehingga 2018.



Rajah 4.16 : Perbandingan Jumlah Kenderaan Yang Diberikan Notis Arahan Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Manakala perbandingan di antara pemerhatian bilangan kenderaan secara visual dan Notis Arahan Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan mengikut jenis kenderaan bagi tahun 2018 adalah seperti di Rajah 4.17



	Lori Kecil	Lori	Trak Ringan	Bas	Bas Min	Van	Teksi	Lain-Lain
Dikeluarkan Notis	135	99	7	4	-	2	-	-
Diperhatikan	25,950	24,465	10,192	2,624	1	1,400	-	-

Rajah 4.17 : Perbandingan Antara Bilangan Visual Dan Notis 48A Mengikut Jenis Kenderaan Bagi Tahun 2018

Foto 4.28 : Operasi Kamera Video Dan Operasi Statik Yang Telah Dijalankan Di Negeri Selangor

PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR) DAN KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga telah menjalankan audit ke atas Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) di bawah Peraturan 17, dan penguatkuasaan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) di bawah Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 sebagai langkah untuk mengawal pencemaran dari kenderaan berenjin diesel di peringkat punca. Sebanyak 247 siasatan penguatkuasaan ke atas KYDL dan Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) telah dijalankan bagi tahun 2018 (Rajah 4.18).



Rajah 4.18 : Program Penguatkuasaan KYDL & 'Fleet Operator' Dari Tahun 2014 Hingga 2018

Foto 4.29 : Lawatan Penguatkuasaan KYDL & 'Fleet Operator' Yang Dijalankan di Negeri Selangor

PENGUATKUASAAN PERATURAN 16 TERHADAP TERMINAL BAS

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga telah menguatkuasakan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 terhadap Terminal Bas sebagai langkah untuk mengawal pencemaran dari kenderaan berenjin diesel di terminal-terminal bas di seluruh Negeri Selangor. Sebanyak 9 operasi penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 8 buah terminal bas seperti di bawah bagi tahun 2018.

(i). Hentian Pusat Bandar Seksyen 14, Shah Alam, Selangor;
(ii). Hentian Akhir Bandar Seksyen 19, Shah Alam, Selangor;
(iii). Hentian Bas Taman Bahtera, Hulu Bernam, Selangor
(iv). Hentian Bas Taman Bahtera, Hulu Bernam, Selangor (kes aduan);
(v). Hentian Bas Bandar Damai Perdana, Cheras, Selangor;
(vi). Stesen Bas Greenwood, Gombak, Selangor;
(vii) Stesen Bas Klang Central, Klang, Selangor;
(viii) Hentian Bas Tanjung Karang, Selangor; dan
(ix) Hentian Bas Kuala Selangor, Selangor

Foto 4.30: Operasi Penguatkuasaan Peraturan 16, Terhadap Terminal Bas Yang Telah Dijalankan Negeri Selangor

KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERENJIN PETROL

Kawalan pelepasan dari kenderaan berenjin petrol dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Pada tahun 2018, sebanyak 4 operasi pelepasan dari kenderaan berenjin petrol telah dijalankan. Dari 47 buah kenderaan yang telah ditahan dan diuji, didapati kesemuanya patuh kepada had pelepasan yang dikuatkuasakan (Rajah 4.19)



Rajah 4.19 : Status Penguatkuasaan Petrol Bagi Tahun 2014-2018

Foto 4.31 : Operasi Penguatkuasaan Kenderaan Petrol Yang Dijalankan Di Negeri Selangor

KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL

Kawalan pelepasan dan bunyi bising daripada motosikal dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada tahun 2018, sebanyak 12 program kawalan pelepasan dan bunyi bising daripada motosikal telah dilaksanakan, di mana sebanyak 142 buah motosikal telah ditahan dan diuji dengan menggunakan meter gas CO/HC serta *Sound Level Meter* (SLM). Dua (2) Notis Arahan telah dikeluarkan.



	2014	2015	2016	2017	2018
Kompaun	8	0	0	0	0
Notis Arahan	12	0	0	0	2
Uji	98	179	70	50	71
Tahan	98	179	70	50	71

Rajah 4.20 : Status Penguatkuasaan Bunyi Bising Bagi Tahun 2014-2018

Foto 4.32: Operasi Penguatkuasaan Pelepasan Daripada Motosikal Yang Dijalankan Di Negeri Selangor

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Kawalan Pengurusan Refrigeran dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Pada tahun 2018 JAS Selangor telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas premis yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (air-cond) kenderaan bermotor selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2000 bagi mengawal pelepasan gas-gas yang berpotensi menipiskan lapisan ozon serta meningkatkan paras suhu dunia. Sebanyak 10 pemeriksaan telah dijalankan terhadap simpanan refrigeran di 10 buah bengkel.

Foto 4.33 : Lawatan Penguatkuasaan Refrigeran

KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL

Kawalan ke atas kandungan bahan api petrol dan diesel dilaksanakan berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel), 2007 (Pindaan 2013) serta Prosedur Tetap Operasi (PTO) Bagi Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel bertarikh Mei 2016. Sejak bahan api petrol RON97 berspesifikasi EURO 4M memasuki pasaran tempatan bermula 1 September 2015, program penguatkuasaan kawalan kandungannya telah dijalankan di stesen-stesen pam minyak di Negeri Selangor. Bagi tahun 2018, persampelan bahan api petrol RON95 berspesifikasi EURO 2M dan RON97 berspesifikasi EURO 4M diteruskan ke atas 5 buah stesen minyak.



Foto 4.34: Persampelan Bahan Api Petrol RON95 Dan RON97 Di Stesen Minyak

PROGRAM PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR BERSTATUS PEMBAWA YANG DITETAPKAN (BUANGAN TERJADUAL)

Program penguatkuasaan kawalan pelepasan daripada kenderaan bermotor yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai Pembawa Yang Ditetapkan merupakan program tahunan yang dilaksanakan secara bersama di antara Unit Kenderaan Motor dan Unit Penguatkuasaan Pelesenan Premis Yang Ditetapkan. Program ini dijalankan bagi memastikan kenderaan yang dilesenkan tersebut mengetahui dan mematuhi syarat lesen seperti di dalam jadual pematuhan lesen. Program ini dilaksanakan sebanyak 8 kali mulai Januari hingga September 2018 bertempat di Tapak Kompleks Sukan Pandamaran, Klang. Sebanyak 261 kenderaan telah diperiksa sepanjang program berkenaan.

Foto 4.35 : Pemeriksaan Kenderaan Pembawa Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual)

TINDAKAN MAHKAMAH

Unit Pendakwaan JAS Selangor mempunyai dua (2) orang Pegawai Pendakwa (C44 dan C41) dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32. Unit Pendakwaan di JAS Selangor diletakkan di bawah Bahagian Operasi 2 yang diselia oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Kanan (C52) sepertimana carta organisasi di Rajah 4.21.

Rajah 4.21 : Carta Organisasi Unit Pendakwaan Negeri Selangor Tahun 2018

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 49 kertas siasatan diterima yang melibatkan 118 pertuduhan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya dan telah didaftarkan di lima buah Mahkamah Sesyen Jenayah di Negeri Selangor sepertimana di dalam Rajah 4.22.



Rajah 4.22 : Bilangan Kertas Siasatan Yang Telah Didaftarkan Mengikut Mahkamah Di Negeri Selangor Tahun 2018

Daripada 118 pertuduhan yang telah didaftarkan oleh Unit Pendakwaan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk sepanjang tahun 2018, kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah yang tertinggi berbanding kesalahan di bawah Seksyen lain iaitu sebanyak 19 sepertimana di dalam Rajah 4.23.



Rajah 4.23 : Pecahan Pertuduhan Mengikut Seksyen

Bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan pula, kes mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 adalah tertinggi iaitu sebanyak 37 pertuduhan sepertimana di dalam Rajah 4.24.



Rajah 4.24 : Pecahan Pertuduhan Mengikut Peraturan

Kes mahkamah telah selesai sepanjang tahun 2018 sepertimana Rajah 4.25 dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 1,140,000.00. Statistik jumlah kertas siasatan yang dibuka untuk tahun 2013 hingga 2018 juga dapat dibandingkan melalui Rajah 5 di mana dilihat jumlah kertas siasatan semakin menurun daripada tahun 2013 sehingga 2018. Ini menunjukkkan industri-industri di Selangor semakin peka terhadap keperluan dan kepentingan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Premis-premis di Selangor juga semakin peka dengan peruntukan perundangan semenjak *Guided Self-Regulation* (GSR) diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Sepanjang tahun 2018, terdapat 6 kes bicara. Sebanyak 5 kes bicara telah DNAA dan 1 kes bicara masih dalam peringkat pendakwaan.



Rajah 4.25 : Bilangan Kertas Siasatan Yang Selesai Dari Tahun 2013 Hingga 2018

TINDAKAN KOMPAUN

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 374 kompaun telah ditawarkan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Kompaun yang ditawarkan ini adalah bagi kesalahan yang melibatkan pengurusan buangan terjadual, efluen perindustrian, kumbahan dan pembakaran terbuka. Pecahan kompaun yang ditawarkan bagi tahun 2018 mengikut kesalahan adalah sepertimana di dalam Rajah 4.26. Daripada bilangan ini kesalahan berkaitan dengan pengurusan buangan terjadual mencatatkan bilangan kompaun yang tertinggi ditawarkan iaitu sebanyak 204 kompaun dan diikuti oleh kesalahan yang melibatkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 iaitu sebanyak 86 kompaun dan seterusnya di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi kesalahan pembakaran terbuka sebanyak 62 kompaun dan yang terakhir di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol (1996) sebanyak 22 kompaun.



Rajah 4.26 : Bilangan Kompaun Yang Telah Ditawarkan Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Bagi Tahun 2018

Statistik kompaun yang telah ditawarkan daripada tahun 2013 sehingga 2018 boleh dilihat daripada Rajah 4.27 dimana dapat diperhatikan, bagi tahun 2018 sebanyak 374 kompaun telah ditawarkan. Daripada keseluruhan jumlah kompaun yang ditawarkan, sebanyak 349 kompaun telahpun dibayar membawa jumlah kutipan kompaun sebanyak RM 678,300.00.



Rajah 4.27 : Bilangan Kompaun Yang Telah Ditawarkan Dari Tahun 2013 Hingga 2018

BAB 5

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

BAB 5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM PENDIDIKAN, KESEDARAN DAN SEBARAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai program pendidikan, kesedaran dan sebaran maklumat sepanjang tahun 2018 dan objektif program-program kesedaran ini diadakan adalah :-

(i) Memberi pendedahan tentang strategi penerapan unsur pendidikan alam sekitar yang berkesan;

(ii) Meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;

(iii) Menggalakkan amalan positif terhadap pengurusan sumber asli dan melahirkan masyarakat penyayang dan prihatin terhadap alam sekitar;

(iv) Menggalakkan kesedaran dan keperihatinan terhadap ekonomi, sosial, politik, kesihatan dan alam sekitar yang saling bergantungan antara satu sama lain;

(v) Menyediakan peluang kepada semua pihak untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar; dan

(vi) Mencungkil bakat dan menggalakkan amalan kreatif dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

CERAMAH DAN PAMERAN ALAM SEKITAR

Jadual 5.1 : Pameran Yang Telah Dilaksanakan Oleh JAS Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2018

Bil	Tarikh	Program	Tempat
1.	16.01.2018	Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar	SK Taman Kosas
2.	25.01.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Hartalega Holdings Berhad, Bestari Jaya
3.	30.01.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Hartalega Holdings Berhad, Sepang
4.	08.02.2018	Program Kesedaran Alam Sekitar di Kalangan Pelajar	SK Kapar, Klang
5.	02.03.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	Majlis Bandaraya Shah Alam
6.	11.03.2018	Kempen Kitar Semula E-Waste	SK Seksyen 27, Shah Alam
7.	11.03.2018	Kempen Kitar semula E-Waste anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah Alam
8.	15.03.2018	Program Kesedaran Alam Sekitar di Kalangan Pelajar	SMK Syed Mashor
9.	21.03.2018	Program Kesedaran Dan Uji Cuba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Peringkat Negeri Selangor 2018	SK Bukit Cheding
10.	05.04.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Kuala Lumpur International Airport
11.	11.04.2018	Seminar Pematuhan Kendiri (Guided Self Regulation) Dan Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	Hotel Concorde, Shah Alam
12.	25.04.2018	Seminar 'Environmental Impact Assessment (EIA) In Implementation And Compliance Of Related Laws And Guidelines'	Hotel Concorde, Shah Alam

13.	03.05.2018	Kempen Kesedaran Alam Sekitar Bersempena Sambutan Hari Bumi 2018 Peringkat Negeri Selangor	SMK Hillcrest
14.	14.05.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Pantai Hospital Medical, Klang
15.	15.05.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Samsung Electronics (M) Sdn. Bhd.
16.	07.06.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	SK Tamil Taman Permata
17.	07.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Seri Cahaya
18.	25.06.2018	Kempen Kitar semula (3R)	SK Taman Alam Megah
19.	26.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Taman Sri Muda
20.	26.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Taman Sri Muda 2
21.	26.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
22.	28.06.2018	Kempen Kitar Semula (3R) Dan Tangani Pencemaran	SK TUDM Subang
23.	28.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SMK Seksyen 18, Shah Alam
24.	05.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Jalan Kebun
25.	12.07.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Kerry's, Bukit Raja, Shah Alam
26.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah
27.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Seksyen 6, Shah Alam
28.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah 2
29.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah 3

30.	24.07.2018	Kempen Kesedaran Alam Sekitar bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 Peringkat Negeri Selangor	Politeknik Shah Alam
31.	26.07.2018	Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut	Bestari Jaya
32.	31.07.2018	Kempen Kesedaran Alam Sekitar bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 Peringkat Negeri Selangor	Hartalega NGC, Sepang
33.	02.08.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Seksyen 6 Shah Alam
34.	02.08.2018	Kempen Kitar semula (3R)	SK Bandar Anggerik, Shah Alam
35.	09.08.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Pharmaniaga Manufacturing Sdn. Bhd.
36.	13.08.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	CSE Automotive Technology Sdn. Bhd.
37.	04.09.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Mewah Oil Sdn. Bhd.
38.	19.10.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Puncak Perdana
39	23.10.2018	Seminar Peraturan Effluen Perindustrian 2009 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam
40.	24.10.2018	Seminar Peraturan-Peraturan Udara Bersih 2014 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam
41.	25.10.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Westport Malaysia Sdn. Bhd.
42.	31.10.2018	Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	SMK (P) Bukit Kuda
43.	19.11.2018	Program Rakan Alam Sekitar	SMK(A) Tun Rahah

Jadual 5.2 : Ceramah Yang Telah Dilaksanakan Oleh JAS Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2018

Bil	Tarikh	Program	Tempat
1.	16.01.2018	Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar	SK Taman Kosas
2.	16.01.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	Pra Sekolah SK Taman Kosas
3	18.01.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan Alam Flora Sdn. Bhd.	Shah Alam Convention Centre
4.	08.02.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Kapar, Klang
5.	13.02.2018	Seminar Malaysian Sustainable Palm Oil (MPOB) Kepada Pekebun Kecil	Kompleks PKNS, Kuala Selangor
6.	21.02.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan Hartalega Sdn. Bhd.	Hartalega Bestari jaya (Plant 1)
7.	02.03.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	Majlis Bandaraya Shah Alam
8.	03.05.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar	Perbadanan Sisa Pepejal SW Corp
9.	11.03.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Seksyen 27, Shah Alam
10.	11.03.2018	Kempen Kitar Semula -E-Waste Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah Alam
11.	15.03.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SMK Syed Mashor
12.	21.03.2018	Program Kesedaran Dan Uji Cuba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut Peringkat Negeri Selangor 2018	SK Bukit Cheding
13.	29.03.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Padang Jawa
14.	12.04.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan F & N Dairies	F & N Dairies

15.	03.05.2018	Kempen Kesedaran Alam Sekitar bersempena Sambutan Hari Bumi 2018 Peringkat Negeri Selangor	SMK HillCrest
16.	07.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Tamil, Taman Permata
17.	07.06.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	Pra Sekolah, SK Tamil, Taman Permata
18.	07.06.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Seri Chaya
19.	25.06.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Taman Alam Megah 3
20.	26.06.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
21.	26.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Taman Sri Muda
22.	26.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Taman Sri Muda 2
23.	28.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK TUDM Subang
24.	28.06.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SMK Seksyen 18, Shah Alam
25.	05.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Jalan Kebun
26.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah
27.	13.07.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	Pra Sekolah, SK Alam Megah
28.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah 2
29.	13.07.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Alam Megah 2
30.	13.07.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Alam Megah 3
31.	13.07.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Alam Megah 3
32.	13.07.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Seksyen 6 Shah Alam

33.	24.07.2018	Kempen Kesedaran Alam Sekitar bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 Peringkat Negeri Selangor	Politeknik Shah Alam
34.	02.08.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Seksyen 6 Shah Alam
35.	02.08.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SK Bandar Anggerik, Shah Alam
36.	02.08.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Bandar Anggerik, Shah Alam
37.	09.08.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	Pharmaniaga Manufacturing Sdn Bhd
38.	13.08.2018	Kempen Kesedaran Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	CSE Automotive Technology Sdn. Bhd.
39.	18.08.2018	Ceramah Pengurusan Buangan Berbahaya	Gereja Sean Paul, Klang
40.	04.09.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	Mewah Oil Sdn. Bhd.
41.	05.09.2018	Teknik dan Pendekatan Dalam Pengurusan Alam Sekitar Yang Efektif	TNB Remaco
42.	28.09.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
43.	28.09.2018	Kempen Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar	SMK Setia Alam
44.	08.10.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan Sime Darby Property Berhad, Ara Damansara	Sime Darby Property Berhad, Ara Damansara
45.	19.10.2018	Kempen Kitar Semula (3R)	SK Puncak Perdana
46.	25.10.2018	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Kepada Kakitangan Westport Malaysia Sdn. Bhd., Pualu Indah	Westport Malaysia Sdn. Bhd., Pualu Indah
47.	31.10.2018	Ceramah kesedaran Alam Sekitar bersempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	SMK(P) Bukit Kuda
48.	19.11.2018	Ceramah Kempen Kitar Semula (3R) bersempena Program Rakan Alam Sekitar	SMK(A) Tun Rahah

Foto 5.1: Antara Aktiviti Pameran Dan Ceramah Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2018 Oleh Unit Pendidikan dan Pengawasan, JAS Negeri Selangor

SEMINAR DAN TAKLIMAT ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Bagi tahun 2018, seminar dan taklimat yang dijalankan oleh JAS Negeri Selangor lebih tertumpu kepada pihak industri, perunding dan pemaju projek di Negeri Selangor. Di antara seminar yang telah dianjurkan oleh JAS Negeri Selangor adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5.3.**

Jadual 5.3 : Seminar dan Taklimat Yang Telah Dianjurkan Oleh JAS Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2018

Bil	Tarikh	Program	Tempat	Bilangan Peserta
1.	21.03.2018	Program Kesedaran Dan Uji Cuba Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran Di Tanah Gambut Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018	SK Bukit Cheding	180
2.	11.04.2018	Seminar 'Guided Self Regulations' Dan Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	Hotel Concorde, Shah Alam	300
3.	25.04.2018	Seminar 'Environmental Impact Assessment (EIA) In Implementation And Compliance Of Related Laws And Guidelines'	Hotel Concorde, Shah Alam	300
4.	26.07.2018	Taklimat Prosedur Tetap Operasi Bagi Mencegah Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut	Bestari Jaya	150
5.	23.04.2018	Seminar Peraturan-Peraturan (Efluen Perindustrian) 2009 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam	350
6.	24.10.2018	Seminar Peraturan-Peraturan (Udara Bersih) 2014 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam	350

Foto 5.2: Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 di Hotel Concorde, Shah Alam Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan, JAS Negeri Selangor 23 Oktober 2018

Foto 5.3: Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 di Hotel Concorde, Shah Alam Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan, JAS Negeri Selangor Pada 24 Oktober 2018

TAKLIMAT, BENGKEL DAN KOLOKIUM KEPADA KAKITANGAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

JAS Negeri Selangor juga menyediakan sesi-sesi taklimat dan kolokium samada yang berkaitan dengan bidang tugas atau di luar bidang tugas kepada pegawai-pegawai JAS Negeri Selangor. Di antara taklimat dan kolokium yang diadakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4: Taklimat, Bengkel dan Kolokium Kepada Kakitangan JAS Negeri Selangor Sepanjang Tahun 2018

Bil	Tarikh	Program	Tempat	Bilangan Peserta
1.	30.03.2018	Kolokium Latihan Pertolongan Cemas oleh JPAM	JAS Negeri Selangor	90
2.	04.06.2018	Kolokium 'Environmental Essential For Siting Of Industries In Malaysia'	JAS Negeri Selangor	80
3.	10.08.2018	Kolokium Kaedah Pelaksanaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Ke Jawatan Gred 41	JAS Negeri Selangor	100

Foto 5.4: Kolokium Latihan Pertolongan Cemas Oleh JPAM Yang Diadakan Di Pejabat JAS Selangor Pada 30 Mac 2018

PROGRAM SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) adalah bertujuan untuk mewujudkan sekolah yang membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan perancangan dan penglibatan semua warga sekolah. Program sekolah lestari membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) diadakan setiap dua tahun sekali dan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu sekolah rendah dan menengah. Pembahagian peratusan pemarkahan dan komponen-komponen utama dalam penilaian SLAAS adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.1



Rajah 5.1: Pembahagian Pemarkahan dan Komponen Dalam Penilaian SLAAS

Bagi tahun 2018, program sekolah lestari ini terus diperkasakan dengan aktiviti-aktiviti promosi dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara menyeluruh. Di antara sekolah yang terlibat dalam aktiviti promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar pada tahun 2018 ialah :

(i) Sekolah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang

(ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 27, Shah Alam

(iii) Sekolah Kebangsaan Taman Alam Megah, Shah Alam

(iv) Sekolah Kebangsaan TUDM, Subang

PROGRAM PRA SEKOLAH LESTARI

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengadakan Program Pra Sekolah di kalangan pelajar-pelajar yang meliputi 3 modul utama iaitu Modul Haiwan. Modul Kitar Semula dan Modul Tumbuh-Tumbuhan. Program Pra Sekolah Lestari untuk tahun 2018 pada kali ini telah dilaksanakan di 5 buah sekolah / tadika iaitu:

(i) Pra Sekolah Sek Keb Taman Kosas, Ampang;
(ii) Pra-sekolah Sek Keb Tamil Taman Permata;
(iii) Tadika Seri Cahaya, Shah Alam;
(iv) Pra-Sekolah Sek.Keb Puncak Perdana, Shah Alam; dan
(v) Pra-Sekolah Sek. Keb. Bandar Anggerik



Rajah 5.2: Modul Program Pra Sekolah Lestari

SAMBUTAN HARI BUMI

Hari Bumi setiap tahun disambut pada setiap 22 April di seluruh dunia. Pada 24 April 2018, JAS Negeri Selangor telah menjalankan Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Selangor bertemakan ***End Plastic Pollution*** di Sekolah Menengah Kebangsaan Hillcrest, Taman Sri Gombak. Program Sambutan ini mendapat kerjasama dari rakan-rakan strategik Jabatan iaitu Canon Opto (Malaysia) Sdn. Bhd., Secret Recipe (Manufacturing) Sdn. Bhd. dan Samsung Electronics (M) Sdn. Bhd.

Turut serta dalam program ini adalah pelajar-pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Gombak serta Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Kertas. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Ceramah Alam Sekitar;

(ii) Kuiz Alam Sekitar;

(iii) Kempen Pengumpulan E-Waste dari isi rumah;

(iv) Penanaman Pokok;

(v) Sketsa Alam Sekitar;

(vi) Pertunjukkan Choral Speaking; dan

(vii) Senamrobik

Foto 5.5 : Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018 Di SMK Hillcrest, Taman Sri Gombak Pada 24 April 2018.

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Mei setiap tahun. Pada 24 dan 31 Julai 2018, JAS Negeri Selangor dengan kerjasama rakan strategik alam sekitar, Hartalega Sdn. Bhd, Bestari Jaya telah menganjurkan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, Peringkat Negeri Selangor yang bertemakan "Beat Plastic Pollution" bertempat di dua lokasi iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 24 Julai 2018 dan di Hartalega NGC (Sepang) pada 31 Julai 2018.

Pada 24 Julai 2018, bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor, satu program kempen kesedaran Alam Sekitar di kalangan pelajar-pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam telah dijalankan dengan pengisian aktiviti-aktiviti berikut:

(i) Pameran Alam Sekitar dari agensi-agensi berkaitan;
(ii) Ceramah kesedaran alam sekitar;
(iii) Tayangan Video oleh Jabatan Alam Sekitar;
(iv) Persembahan pelajar bertemakan alam sekitar; dan
(v) Kuiz Alam Sekitar

Seramai lebih kurang 250 peserta yang terdiri daripada pelajar dan tenaga pengajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam telah turut serta memeriahkan program ini.

Sementara itu, bagi program perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018 pula telah diadakan pada 31 Julai 2018 bertempat di Hartalega NGC, Sepang. Program perasmian ini telah disempurnakan oleh YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Negeri Selangor, Yang Behormat Tuan Hee Loy Sian. Program ini mendapat penyertaan yang menggalakkan dikalangan kakitangan Hartalega dan beberapa aktiviti menarik turut diadakan pada hari tersebut iaitu :

(i) Pameran dari agensi-agensi berkaitan;
(ii) Tayangan video oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor;
(iii) Sesi bergambar dan lawatan ke premis Hartalega Sdn. Bhd; dan
(iv) Kempen pengumpulan E-Waste dari isi rumah

Foto 5.6: Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018 Bertempat Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Pada 24 Julai 2018

Foto 5.7: Program Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018 Bertempat di Hartalega NGC, Sepang Pada 31 Julai 2018

HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 23, 24 dan 31 Oktober 2018. Program ini telah dijalankan secara berperingkat di dua lokasi berbeza. Butiran program adalah seperti berikut :

Jadual 5.5 : Program Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Selangor

Tarikh	Tempat	Aktiviti Program	Penyertaan
23 Oktober 2018	Hotel Concorde, Shah Alam	Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan rakan-rakan strategik Jabatan Alam Sekitar iaitu TNB Connough Sdn. Bhd. dan T-POT Electrical & Eletcronics Sdn Bhd Seminar Peraturan-Peraturan (Effluen Perindustrian) 2009 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Pihak Industri Perunding Pemaju projek Agensi-agensi teknikal
24 Oktober 2018	Hotel Concorde, Shah Alam	Seminar Peraturan-Peraturan (Udara Bersih) 2014 Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor	Pihak Industri Perunding Pemaju projek Agensi-agensi teknikal
31 Oktober 2018	SMK (P) Bukit Kuda, Klang	a) Program menanam pokok b) Persembahan alam sekitar oleh pelajar SMK (P) Bukit Kuda c) Kuiz Alam Sekitar d) Kempen pengumpulan E-Waste dari isi rumah dan sekolah	250 pelajar dan tenaga pengajar SMK (P) Bukit Kuda, Klang

		e) Taklimat Kesedaran Alam Sekitar oleh TNB Connought Sdn. Bhd.	

Foto 5.8: Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih)2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian)2009 dan Upacara Menandatangani Memorandum Persefahaman Dengan Rakan Strategik Alam Sekitar di Hotel Concorde, Shah Alam pada 23 dan 24 Oktober 2018

Foto 5.9: Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Selangor Bertempat di SMK (P) Bukit Kuda, Klang Pada 31 Oktober 2018

PROGRAM BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Objektif RAS adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Keahlian RAS terdiri daripada semua lapisan masyarakat yang akan bertanggungjawab membantu agensi-agensi kerajaan dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang mencemarkan alam sekitar.

Pada 19 November 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dengan kerjasama SMK Tun Rahah telah menjalankan Program Khidmat Komuniti Bersama Rakan Alam Sekitar bertempat di SMK Tun Rahah. Program ini telah melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru SMK Tun Rahah serta komuniti setempat. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlansung adalah :

(i) Ceramah Kitar Semula dan Hentikan Pencemaran Plastik;
(ii) Tayangan Video Alam Sekitar;
(iii) Pameran Bahan-bahan Kitar Semula;
(iv) Demonstrasi Aktiviti Kitar Semula; dan
(v) Persembahan Alam Sekitar Oleh Pelajar

Foto 5.10 : Program Rakan Alam Sekitar Yang Telah Dijalankan Di SMK Tun Rahah Pada 19 November 2018

LAIN-LAIN AKTIVITI PROGRAM PENDIDIKAN

Lain-lain perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit Pendidikan dan Kesedaran JAS Negeri Selangor adalah seperti dalam Rajah 5.3 yang merangkumi sebaran maklumat melalui pelbagai saluran, Hari Bertemu Pelanggan, penyediaan sumber rujukan di Perpustakaan JAS Negeri Selangor dan peluang latihan industri.

Rajah 5.3 : Lain-lain Perkhidmatan Dan Aktiviti Di Bawah Program Pendidikan dan Sebaran Maklumat

BAB 6

AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR (KESAS)

BAB 3 AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR (KESAS)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

KESAS telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada 26 Januari 2018 dengan kehadiran ahli KESAS seramai 77 orang dengan tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membentangkan aktiviti-aktviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Ahli Jawatankuasa KESAS bagi sesi 2017-2018 dikekalkan untuk tempoh dua (2) tahun sepertimana di dalam Perlembagaan KESAS dan senarai AJK adalah seperti berikut :



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR (KESAS) BAGI SESI 2017 - 2018

PENASIHAT
Puan Siti Zaleha binti Ibrahim
(Pengarah JAS Negeri Selangor)

YANG DIPERTUA
Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin

NAIB YANG DIPERTUA
Encik Tuan Hassan bin Tuan Abdullah

SETIAUSAHA
Cik Nor Faizura binti Mohd Ali

PENOLONG SETIAUSAHA
Puan Yusimahtul Azreeni binti Mohamad Iddrus

BENDAHARI
Encik Ahmad Madzhar bin Mansor

PENOLONG BENDAHARI
Puan Farah Farhana binti Mohamad Nazri

AHLI JAWATANKUASA BIRO
Biro Sukan : Encik Naufal Fahmi bin Ahmad Nafis
Biro Kebajikan : Puan Marlia binti Malnan
Biro Ekonomi : Puan Haslina binti Hashim
Biro Sosial : Encik Mohamed Fazriq bin Mohamed Fishal
Biro Kerohanian : Encik Mohd Ridzuan bin Zainal

JURUAUDIT DALAMAN
Encik Mohd Radzi bin Ridzuan
Puan Norazna binti Md Razak

Foto 6.1 : Senarai Ahli Jawatankuasa KESAS sesi 2017 – 2018

AKTIVITI SUKAN

Sepanjang tahun 2018, KESAS telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan yang bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturrahim di kalangan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

(i) Kejohanan Futsal Tertutup Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
Tarikh : 11 Ogos 2018
Tempat: Frenzy Sport Arena, Seksyen 16, Shah Alam

(ii) Kejohanan Boling Tertutup Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
Tarikh : 15 Disember 2018
Tempat: Alam Lanes AEON Mall, Shah Alam

Foto 6.2 : Perlawanan Futsal Dianjurkan KESAS Di Dalam Tahun 2018 pada 11 Ogos 2018

Foto 6.3 : Kejohanan Boling Tertutup Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Pada 15 Disember 2018.

AKTIVITI KEBAJIKAN

Di antara aktiviti-aktiviti kebajikan kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang dijalankan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :-

(i) Pemberian hadiah kelahiran kepada semua pegawai;

(ii) Pemberian hadiah kelahiran anak;

(iii) Pemberian hadiah perkahwinan pegawai;

(iv) Pemberian hadiah kepada pegawai yang berpindah;

(v) Pemberian hadiah pegawai bersara;

(vi) Pemberian sumbangan derma kepada badan kebajikan;

(vii) Pemberian sumbangan kepada pegawai yang telah dimasukkan ke wad;

(viii) Pemberian sumbangan kepada pegawai yang ibu bapa meninggal;

(ix) Pemberian sumbangan kepada pegawai sempena Hari Raya Aidilfitri;

(x) Pemberian sumbangan kecemerlangan anak pegawai JAS Selangor;

(xi) Penganjuran majlis perpisahan pegawai berpindah/bersara;

(xii) Penganjuran aktiviti kebajikan di pejabat-pejabat cawangan.

Foto 6.4 : Majlis Penyampaian Hadiah Kelahiran Anak Kepada Pegawai

AKTIVITI SOSIAL

Sepanjang tahun 2018, KESAS telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial di kalangan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

(i) Hari Keluarga JAS Selangor Tahun 2018
Tarikh : 3 – 4 Mac 2018
Tempat: Amverton Heritage Resort, Melaka

(ii) Sambutan Hari Raya Aidilfitiri JAS Selangor 2018
Tarikh : 10 Julai 2018
Tempat: Tingkat 12, JAS Selangor

Foto 6.5 : Hari Keluarga Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor 2018 di Amverton Herritage Resort, Melaka

Foto 6.6 : Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor 2018

AKTIVITI EKONOMI

Seminar-seminar yang dianjurkan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :

(i) Seminar Pematuhan Kendiri (GSR) dan Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
Tarikh : 11 April 2018
Tempat: Hotel Concorde, Shah AlaM

(ii) Seminar Pematuhan Perintah EIA (2015)
Tarikh : 15 April 2018
Tempat: Hotel Concorde, Shah Alam

(iii) Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
Tarikh : 23 Oktober 2018
Tempat: Hotel Concorde, Shah Alam

(iv) Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014
Tarikh : 24 Oktober 2018
Tempat: Hotel Concorde, Shah Alam

(v). Latihan *Hands-on Electronic Schedule Waste Information System (e-SWIS)*
Tarikh : Mac 2018 – November 2018 (4 sesi)
Tempat: Makmal Komputer Sistem, Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Foto 6.7 : Seminar Pematuhan Kendiri (GSR) dan Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Foto 6.8 : Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 di Hotel Concorde, Shah Alam

Foto 6.9 : Latihan *Hands-on Electronic Schedule Waste Information System (e-SWIS)*

AKTIVITI KEROHANIAN

KESAS telah mewujudkan Biro Kerohanian bagi menjalankan aktiviti kerohanian untuk semua pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

(i) Program Majlis Bacaan Yasin
Tarikh : Setiap Jumaat

(ii) Program Tadarus, Majlis Khatam Al-Quran dan Ceramah Sempena Bulan Ramadhan
Tarikh : 8 Jun 2018

(iii) Program Ceramah Buktikan Cintamu Terhadap Rasulullah S.A.W.
Tarikh : 30 November 2018

Foto 6.10 : Aktiviti-Aktiviti Kerohanian Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2018.